

Analisis Semantik Inkuisitif: Simbol 'Bunga' dalam Pantun Melayu

BITARA

Volume 3, Issue 4, 2020: 036-048
 © The Author(s) 2020
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[An Inquisitive Semantics Analysis: The Concept of 'Flower' Symbols in Malay Pantuns]

Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani¹ & Noriah Mohamed²

Abstrak

Pantun merupakan seni pengucapan lisan masyarakat Melayu dahulu yang dicipta dengan penuh ketertiban dan berhati-hati. Segala yang dilahirkan melalui pantun adalah berupa nasihat, dengan berbagai-bagai ragam bahasa yang tinggi dan bernilai sastera. Penggunaan pantun sebagai salah satu cara halus dan sopan dalam menyampaikan sesuatu hasrat yang terbukti di hati telah menjadikan pantun sebagai suatu bentuk bahasa yang indah dan unik. Pemilihan dan penggunaan bentuk kata dalam pantun amat berkait rapat dengan pemikiran masyarakat Melayu yang sentiasa menggunakan unsur alam sebagai perlambangan dalam memperkatakan sesuatu. Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis simbol ‘bunga’ yang terdapat dalam pantun kategori nasihat berdasarkan buku Kurik Kundi Merah Saga (KKMS). Kajian berbentuk kualitatif ini mengaplikasikan teori semantik dengan kaedah inkuisitif yang merupakan gabungan di antara teori relevan dengan maklumat baru budaya setempat. Gabungan Rangka Rujuk Silang (RRS) dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu sehingga ke akal budi penuturnya. Dapatkan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa simbol bunga dalam penciptaan pantun mendukung makna tersirat yang lazimnya berfungsi sebagai nasihat dan teguran kepada masyarakat. Simbol “bunga” bukan sahaja mempunyai pelbagai maksud yang tersendiri, namun mampu memperlihatkan daya kreativiti masyarakat Melayu mengaplikasikan konsep “bunga” dengan perilaku, benda, perkara dan peristiwa yang berlaku di sekitar kehidupan manusia.

Kata kunci:

semantik inkuisitif, lambang, bunga, budaya, akal budi Melayu.

Abstract

The pantun is a classical Malay poetry form that created with full of etiquette and norms. All was born through ‘pantun’ is in the advice, with the range of high diversity of languages and literary value. Pantun is one of very fine ways to express feeling which make the pantun language unique and beautiful. Every words chosen in Pantun phrases has its own aesthetical and lexical functions, which are very much related to the way thinking among the Malay people, who always refer to surrounding world as a symbolic way to express their own feeling. Therefore, the objective of this study is to identify the symbol of “bunga” in the Malay pantun based on book Kurik Kundi Merah Saga (KKMS). This qualitative research applied semantic theory with inquisitive method which is a combination between relevance theories of local culture with new information. A combination between the applications of Bridging Cross Reference (RRS) along with the broad cultural information will be able to produce various interpretation of Malay proverbs up to its ingenuity. The findings obtained

¹ Pusat Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

² Pusat Pengajaran Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Corresponding Author:

NORIAH MOHAMED, Pusat Pengajaran Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.
 E-mail: noriahm@usm.com

indicated that, the symbol of “bunga” in pantun has its own meaning that are used to express feeling. The symbol “bunga” does not carry its own lexical meaning, but also reveal the creativity of Malay people in applying the concept of “bunga” with people’s behaviors or attitude, things, matters and events revolved around their life.

Keywords:

Malay mind, inquisitive semantics, sign, culture.

Cite This Article:

Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Noriah Mohamed. 2020. Analisis semantik inkuisitif: Simbol ‘bunga’ dalam pantun Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 036-048.

Pengenalan

Puisi adalah satu cabang kesenian manusia yang merujuk kepada susunan atau aturan ayat yang menyampaikan maksud dalam bentuk yang indah. Puisi Melayu berkembang selari dengan arus perkembangan tamadun bangsa Melayu. Puisi Melayu terbahagi kepada dua, iaitu puisi Melayu tradisional dan puisi Melayu moden. Puisi Melayu tradisional merujuk kepada pantun, syair, teromba, talibun, gurindam, seloka dan sebagainya, manakala puisi Melayu moden ialah sajak. Budaya Melayu banyak memasukkan unsur-unsur alam dalam gubahan seni dan anyaman kehidupan. Unsur-unsur alam atau citra alam digunakan sebagai pengias dan pengibarat yang boleh diteladani oleh manusia. Dari renungan terhadap alam, orang Melayu menemui makna kewujudan dan makna kehidupan dalam penciptaan puisi, khususnya pantun.

Budaya Melayu banyak memasukkan unsur alam dalam gubahan seni dan anyaman kehidupan (Nurul Aminah dan Hasnah, 2014: 2). Pemikiran orang Melayu ditentukan melalui interaksi ideanya dengan alam. Unsur-unsur alam dalam pantun adalah satu-satunya cara yang paling indah, impresif dan paling berkesan untuk mendendangkan atau meluahkan sesuatu yang terbuku di hati, maka keunikan pantun-pantun lama yang banyak memasukkan unsur-unsur alam ini tidak sepatutnya dipandang enteng oleh masyarakat, sebaliknya perlulah dimartabatkan serta dikenalkan seni pengucapan tradisional ini supaya ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’.

Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis simbol bunga yang berfungsi sebagai pembayang dalam pantun melalui kaca mata semantik inkuisitif. Pendekatan ini digunakan bagi mencari jawapan terhadap persoalan yang timbul di sebalik lambang atau simbol yang digunakan dalam pantun Melayu dan seterusnya cuba meneroka akal budi Melayu dengan mendalam.

Permasalahan Kajian

Pantun merupakan pengungkapan kosmologi masyarakat Melayu dahulu yang sememangnya kaya dengan seni dan kreativitinya, maka, tidak hairanlah jika Wilkinson (1957) dan Windstedt (1957), menegaskan bahawa keluasan pemikiran orang Melayu itu diukur dan dinilai melalui karya pantunnya. Mereka berpendapat bahawa satu daripada perkara yang penting yang boleh membawa seseorang itu berjaya memahami dan menyelami pengetahuan, perasaan dan aliran

pemikiran orang Melayu sendiri ialah pantun, malahan seseorang itu tidak akan dapat menduga aliran fikiran orang Melayu kalau tidak memahami pantunnya. Pantun Melayu tradisional sememangnya kaya dengan khazanah keindahan dan kehalusan bahasanya sehingga boleh menimbulkan interpretasi yang berbeza dalam kalangan pembaca. Namun demikian, sesuatu pantun itu masih mampu diandaikan maknanya melalui penelitian terhadap konteks dan intertekstualnya bagi memahami makna sebenarnya.

Selain itu, pantun juga menunjukkan orang Melayu suka berfalsafah dan peka terhadap alam dan persekitarannya. Unsur alam dijadikan bahan untuk pemikiran dan renungan ke dalam diri. Masyarakat Melayu terkenal dengan pelbagai sistem lambang yang dilihat sebagai medium untuk menyampaikan teguran dan fikiran dengan cara yang lembut dan halus. Mereka menggunakan unsur alam yang dekat dengan kehidupan mereka seperti unsur flora dan fauna (Nurul Aminah & Hasnah, 2014: 4). Tempat kediaman dan alat kelengkapan bersumberkan flora. Sumber makanan utama juga bergantung kepada flora dan fauna. Hal ini, menyebabkan pemikiran orang Melayu mempunyai hubungan yang cukup erat dengan alam.

Sehubungan dengan itu, kajian ini meneliti simbol bunga dalam pantun Melayu lama dengan berlandaskan kepada bidang semantik. Kajian ini cuba melihat korelasi hubungan yang bersifat sejajar antara simbol dan makna dalam pantun. Simbol bunga amat sinonim dalam masyarakat Melayu dahulu kerana simbol bunga ini mendukung makna simbolik tertentu yang lazimnya merujuk gadis atau wanita. Selain merujuk wanita atau gadis, simbol bunga dalam ciptaan pantun Melayu juga turut mendukung nilai tertentu sama ada nilai positif maupun nilai negatif.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis simbol bunga yang terdapat dalam pantun kategori nasihat dan menganalisis jenis bunga yang paling dominan yang terdapat dalam pantun kategori nasihat.

Kajian Lepas

Kepentingan pantun terlihat melalui pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji, dalam dan luar negara. Kajian tidak sekadar bertumpu kepada kajian pantun secara umum yang menjelaskan tentang kepentingan penciptaan pantun, tetapi juga kajian pantun yang lebih mengkhusus berteraskan pendekatan tertentu. Mohamad Azmi Ab. Rahman (1992) misalnya, dalam kajian bertajuk ‘Simbolisme Dalam Pantun Melayu’ meneliti penggunaan simbol dalam pantun Melayu dengan menggunakan konsep simbolisme. Selanjutnya, Eizah Hussain (2016) menggunakan Pendekatan Puitika Sastera bagi meneliti simbol dalam pantun Melayu; Imran Ho (2011) menggunakan kerangka Ibañez-Moreno; dan Saidatul Nornis dan Mohd. Rasdi (2013) menggunakan teori etnografi komunikasi.

Selain itu, sarjana Barat iaitu Charteris Black (2000) telah menghasilkan beberapa kajian berkisar kiasan bahasa Melayu. Kajian pertama ialah *Figuration, Lexis and Cultural Resonance: A Corpus Based Study of Malay* yang meneliti simpulan bahasa berdasarkan anggota manusia iaitu mata dan kaki dan hubungan kognitif dengan penuturnya. Contohnya,

‘mata adalah sumber’ seperti mata pencarian, mata air manakala ‘kaki menunjukkan sesuatu yang tidak baik’ seperti kaki judi, kaki botol dan kaki perempuan. Data yang diambil daripada korpus yang melebihi lima kekerapan untuk dianalisis menggunakan kunci konsepsi. Seterusnya kajian beliau yang berjudul *Speaking With Forked Tongue: A Comparative Study of Metaphor and Metonymy in English and Malay Phraseology* (2003) mengkaji bahasa figuratif yang melibatkan mulut, bibir dan lidah. Kajian kognitif ini hanya mengaitkan dengan pemikiran kognitif tetapi tidak kaitkan dengan akal budi. Kajian ini juga mempunyai kekurangan kerana tidak dikaji dengan lebih mendalam iaitu tidak mencapai makna sebenar terhadap data yang dikaji.


Data dan Metodologi Kajian

Secara dasarnya, data kajian dipetik daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2015 (cetakan kedua) dalam buku Kurik Kundi Merah Saga. Edisi pertama (1995) membahagikan kategori pantun mengikut negeri pantun diperoleh. Edisi kedua (2005) pula telah dikategorikan mengikut fungsi pantun. Bagi kajian ini, KKMS Edisi kedua (2015) digunakan sebagai data kajian. Kajian ini hanya memanfaatkan tema pantun kategori nasihat sahaja. Pantun kategori nasihat (PN) dipilih kerana masyarakat Melayu dahulu sememangnya cukup kaya dengan nasihat yang bermanfaat dan berharga. Hal ini demikian kerana pegangan serta kepercayaan masyarakat Melayu dahulu adalah bertunjangkan kepada al-Quran dan Hadis (Wan Abd Kadir, 1992: 13).

Seterusnya, pengkaji akan mengenal pasti kewujudan simbol bunga berdasarkan kategori tema pantun yang telah dipilih. Perkataan bunga secara umum dapat difahami sebagai suatu bentuk kata nama yang membawa makna sebahagian daripada tumbuhan berwarna warni yang muncul daripada sebatang pokok yang berfungsi sebagai hiasan ataupun sebelum sesuatu pokok mengeluarkan buah (Salinah Jaafar, 2005: 53). Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, simbol bunga yang terdapat dalam pantun bertemakan nasihat ialah sebanyak 70 rangkap pantun daripada 266 rangkap pantun secara keseluruhannya. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan pengelompokan data berdasarkan jenis bunga yang telah dikenal pasti:

Jadual 1 Jumlah dan Peratusan Jenis Bunga dalam PN


Bil.	Jenis Bunga	Jumlah	Peratusan (%)
1.	Bunga Melati	24	35
2.	Bunga Melur	20	29
3.	Bunga Raya	16	22
4.	Buanga Lalang	10	14
	Jumlah	70	100



Rajah 1: Peratusan Jenis Simbol Bunga dalam Pantun Nasihat

Ruang lingkup kajian dihadkan kepada empat jenis bunga yang mencatatkan peratusan tertinggi sahaja, iaitu bunga melur, bunga melati, bunga raya dan bunga lalang. Namun, untuk perbincangan ini, hanya dua rangkap pantun yang dianalisis, iaitu simbol bunga yang mencatatkan peratusan tertinggi dan simbol bunga yang mencatatkan peratusan terendah.

Kajian ini memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif, iaitu pendekatan yang berdasarkan semangat ingin tahu, serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan kepada perkara sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan (Nor Hashimah, 2014). Rajah 1 yang berikut menunjukkan carta aliran tahap yang terlibat dalam proses penganalisisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif seperti yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014).



Rajah 2: Aliran Proses Penganalisisan Data Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif

Analisis dan Perbincangan

Dalam bahagian ini, penganalisisan dipaparkan berdasarkan tiga tahap, iaitu tahap pertama memperincikan makna secara harfiah, diikuti oleh tahap kedua yang mengaplikasi Rangka

Rujuk Silang bagi memahami kognitifnya dan mengaitkannya dengan falsafah. Selanjutnya, pada tahap ketiga pula akan merungkaikan mengapakah persoalan ini dipilih dan dikaitkan dengan akal budi penuturnya.

1. Analisis Pantun Simbol ‘Bunga Melati’

Dalam masyarakat Melayu dahulu, khususnya di Indonesia bunga melati dianggap bunga simbolik yang mendukung makna positif dalam masyarakat Jawa. Bunga melati banyak digunakan dalam upacara adat resam seperti persandingan, ritual keagamaan dan menyambut kelahiran bayi. Berikut merupakan contoh lambang bunga melati dalam pantun yang dikaji.

Data 1		
Pantun	Maksud	Domain
<i>Bunga melati</i> sedang naik,	Keutamaan	Sifat
Daunnya hilang subur dan sihat;	Menjaga kesucian	
Biar mati nama yang baik,	dan kehormatan diri	
Jangan mati nama yang jahat.		

Analisis Tahap 1

Berdasarkan pantun tersebut, simbol “bunga melati” ialah objek perlambangan yang bersifat konkret. Hal ini demikian kerana bunga melati bukan sahaja mendukung makna secara literal semata-mata, sebaliknya turut mempunyai makna simbolik tertentu dalam masyarakat Melayu tradisi. Bunga melati atau nama saintifiknya *Jasminum sambac* merupakan sejenis bunga yang berwarna putih serta harum baunya (Hembing, 2000: 121). Warna putih bunga melati melambangkan kepada kesucian, ketulusan dan kebersihan hati (Murphy and Rowe, 1993: 16). Penulis menggunakan simbol bunga melati dalam pantun yang dihasilkan bagi memberi gerakan dari alam secara luaran ke dalam dunia dan nasib manusia secara realiti. Oleh sebab pantun ini memberikan gambaran tentang “sifat” manusia secara tersirat, maka pantun ini dikelompokkan dalam domain “sifat”. Secara literal, pantun ini ditakrifkan sebagai “keutamaan menjaga kehormatan dan kesucian diri”. Pemberian makna secara harfiah ini berlaku pada tahap pertama sahaja dan masih bersifat permukaan. Sifat bunga melati yang berwarna putih dan harum baunya diibaratkan membawa konotasi positif.

Analisis Tahap 2

Analisis tidak terhenti pada peringkat permukaan sahaja. Setiap simbol yang diungkapkan pasti mempunyai kewajarannya yang tersendiri. Begitu juga dengan pantun yang dicipta oleh masyarakat pada masa lalu. Selain menggunakan perlambangan melalui simbol bunga melati, pantun ini juga menggunakan penceritaan latar belakang, iaitu dengan menggambarkan keadaan dan sifat bunga melati. Dalam hal ini, sifat yang dimaksudkan ialah sifat tumbuhan yang dijadikan perlambangan dan sifat manusia yang digambarkan dalam konteks makna secara harfiah.

Berdasarkan pantun tersebut, kuplet pertama yang berfungsi sebagai pembayang pantun mempunyai anteseden yang nyata yang merujuk makna sebenar ungkapan yang berbentuk nasihat. Namun untuk memahami makna pantun secara lebih jelas dan menyeluruh, simbol bunga melati yang digunakan dalam pantun tersebut perlulah dirungkai serapi mungkin agar makna simbolik yang tersirat dapat difahami. Dengan mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang, ungkapan tersebut dapat difahami dengan meneliti konteks pantun secara keseluruhan. Berdasarkan pantun tersebut, frasa “daunnya hilang subur dan sihat” berbentuk nasihat dan merujuk kuplet kedua, iaitu “jangan mati nama yang jahat”. Jika diperhatikan, rujukan yang memberikan maklumat tambahan tersebut berlatarkan nasihat kepada individu supaya menjaga kehormatan dan kesucian diri agar tidak menjatuhkan maruah diri sendiri. Frasa “biar mati nama yang baik” dan “jangan mati nama yang jahat” menjadi premis tambahan kepada makna yang ingin disampaikan, iaitu mengembangkan konteks yang sedang dibincangkan. Kesan konteks yang tinggi dapat membantu merendahkan usaha memproses maklumat dan seterusnya ujaran itu relevan untuk diinterpretasikan. Berdasarkan teori relevan, untuk memahami ujaran yang mengandungi bahasa berkias, secara automatik minda pendengar akan tertumpu pada relevan yang optimum dan prosedur pemahaman teori relevan. Prosedur pemahaman teori relevan menggariskan setiap ujaran yang diucapkan mempunyai jangkaan tahap relevannya yang optimum dan tersendiri (Hawiyah, 2015).

Pantun tersebut mengisahkan bunga melati yang semakin meninggi tetapi keadaan daun pokok tersebut adalah kurang baik, iaitu daunnya hilang kesuburan serta tidak sihat. Bunga melati sangat popular dalam kehidupan masyarakat Melayu, Betawi, Jawa, Sunda, Madura dan Bali kerana ianya dianggap melambangkan kesuburan, kesejahteraan dan kemakmuran. Seperti bunga melati yang gugur dan tidak sihat, orang Melayu mengaitkan sifat atau keadaan bunga melati tersebut dengan kehidupan manusia secara realiti, iaitu perempuan yang telah tercemar maruah dan kesucian dirinya. Orang Melayu menggunakan simbol ‘bunga melati’ sebagai lambang yang merujuk seorang gadis. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, bunga merupakan lambang sejagat (*universal sign*) yang merujuk gadis atau wanita (Wan Abdul Kadir, 1992: 5).



Rajah 3: Bunga Melati

Seperti yang dinyatakan sebelum ini warna putih bunga melati melambangkan kepada kesucian, ketulusan dan kebersihan hati (Murphy & Rowe, 1993: 16). Bunga melati secara umumnya merujuk gadis atau wanita yang baik budi pekerti dan berakhhlak mulia. Pemerhatian

masyarakat terhadap proses fisiologi bunga melati telah mendorong penciptaan pantun bersumberkan bunga sebagai kiasan. Oleh itu, sesuai dengan sifat “putih” atau “harum” yang ditunjukkan oleh bunga melati inilah menyebabkan masyarakat Melayu pada masa dahulu menjadikan resam tumbuhan ini sebagai ikutan yang menjurus kepada “sifat baik hati dan berakhhlak mulia”.

Analisis Tahap 3

Tahap berikutnya ialah tahap yang menyerlahkan akal budi masyarakat yang menuturkan peribahasa, iaitu masyarakat Melayu. Pantun tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pada masa lalu sangat peka terhadap hal yang berlaku di sekeliling mereka, terutama yang menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka sehari-hari. Bunga melati sangat popular dalam kehidupan masyarakat Melayu, Betawi, Jawa, Sunda, Madura dan Bali kerana ianya dianggap melambangkan kesuburan, kesejahteraan dan kemakmuran. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika Indonesia menjadikan bunga melati sebagai bunga kebangsaan mereka. Bunga melati banyak digunakan dalam adat resam dan budaya masyarakat Melayu tradisi. Disebabkan baunya yang harum dan mendukung makna simbolik tertentu, maka bunga melati ini sering dijadikan sebagai bahan kemestian dalam membuat bunga rampai yang digunakan dalam adat persandingan. Hal ini secara tidak langsung telah mendorong masyarakat Melayu dahulu menggunakan simbol bunga-bungaan yang dekat dengan kehidupan mereka sebagai salah satu perlambangan dalam penciptaan pantun.

Hakikatnya, akal budi yang terselindung di sebalik penggunaan simbol bunga melati ialah “kebersihan hati dan berbudi pekerti”. Hati budi merupakan nilai atau elemen yang dipandang atau dinilai oleh masyarakat Melayu dahulu. Hal ini demikian kerana hati yang bersih murni mencerminkan perlakuan akhlak yang baik dan tertib. Ukuran inilah yang menjadi kayu ukur kepada masyarakat dalam menilai seseorang itu sama ada baik atau sebaliknya. Oleh yang demikian, pantun tersebut bertujuan untuk memberi nasihat kepada masyarakat, khususnya ibu bapa agar sentiasa mengawasi setiap perbuatan dan perlakuan anak gadis mereka daripada terjebak dengan perkara-perkara yang tidak bermoral dan sia-sia.

2. Analisis Pantun Simbol ‘Bunga Lalang’

Dalam pergaulan sehari-hari, sering ditemukan penggunaan peribahasa “baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang” atau “ikutlah resmi padi, jangan ikut resmi lalang”. Kedua-dua peribahasa ini bermakna “tidak sompong” atau “merendah diri”. Berdasarkan makna harfiah yang terkandung dalam simbol bunga lalang dalam peribahasa tersebut, maka simbol bunga lalang dalam pantun di bawah dikelompokkan dalam domain “sifat”. Berikut merupakan contoh simbol bunga lalang dalam pantun yang dikaji.

Data 2				
Pantun	Maksud	Domain		
<i>Bunga lalang berikat benang, Bungkus mari dengan kain; Harimau diam nampak senang, Jangan tepuk nak buat main.</i>	Jangan bersikap sombang meninggi dalam kehidupan	bersikap dan diri	Sifat	

Analisis Tahap 1

Berdasarkan pantun tersebut, simbol “bunga lalang” ialah objek perlambangan yang bersifat konkret. Frasa “bunga lalang berikat benang” merupakan satu ungkapan yang mengandungi makna tersirat yang membawa konotasi negatif dalam masyarakat Melayu. Oleh sebab pantun ini memberikan gambaran tentang “sifat” manusia, maka pantun ini dikelompokkan dalam domain “sifat”. Secara harfiahnya, pantun ini ditakrifkan sebagai “tegahan agar jangan bersikap sombang dan hendaklah sentiasa merendah diri”. Pemberian makna secara harfiah ini berlaku pada tahap pertama sahaja dan masih bersifat permukaan. Pantun ini dilihat terzahir daripada maklumat latar belakang simbol bunga lalang yang digunakan sebagai lambang dalam pantun tersebut. Simbol bunga lalang dalam masyarakat Melayu mendukung makna simbolik yang tidak baik atau negatif. Lalang yang selalu terlihat berdiri tegak pula disamakan dengan orang yang sompong atau angkuh. Keadaan ini menunjukkan bahawa penciptaan pantun tersebut didorong oleh persamaan situasi yang melatarinya. Oleh sebab itu, perumpamaan padi dan lalang sering dijadikan sebagai kias ibarat dalam pantun dan peribahasa kerana kedua-dua tumbuhan tersebut mendukung makna simbolik yang bersifat kontras antara satu sama lain. Simbol bunga lalang seperti yang dinyatakan sebelum ini adalah merujuk manusia yang sompong dan angkuh, manakala simbol padi pula merujuk manusia yang merendah diri.

Analisis Tahap 2

Berdasarkan pantun tersebut, kuplet pertama yang berfungsi sebagai pembayang pantun mempunyai anteseden yang nyata yang merujuk makna sebenar ungkapan yang berbentuk nasihat. Namun untuk memahami makna pantun secara lebih jelas dan menyeluruh, simbol bunga melati yang digunakan dalam pantun tersebut perlulah dirungkai serapi mungkin agar makna simbolik yang tersirat dapat difahami. Berdasarkan pantun tersebut, frasa “bungkus mari dengan kain” berbentuk nasihat dan merujuk kuplet kedua, iaitu “jangan tepuk nak buat main”. Jika diperhatikan, rujukan yang memberikan maklumat tambahan tersebut berlatarkan nasihat kepada individu supaya sentiasa bersikap merendah diri dan menjauhi sifat sompong. Frasa “harimau diam Nampak senang” dan “jangan tepuk nak buat main” menjadi premis tambahan kepada makna yang ingin disampaikan, iaitu mengembangkan konteks yang sedang dibincangkan. Kesan konteks yang tinggi dapat membantu merendahkan usaha memproses maklumat dan seterusnya ujaran itu relevan untuk diinterpretasikan. Berdasarkan teori relevan, untuk memahami ujaran yang mengandungi bahasa berkias, secara automatik minda pendengar akan tertumpu pada relevan yang optimum dan prosedur pemahaman teori relevan.

Pantun tersebut mengisahkan sifat yang ada pada pokok lalang, iaitu apabila berbunga, bunganya itu menjulang ke langit walaupun tidak dipedulikan orang. Kemudian bunganya luruh dan habis ditiup angin. Simbol “bunga lalang” adalah merujuk seseorang yang sentiasa bermegah dengan kelebihan diri yang ada padanya sehingga menimbulkan sifat takabur di dalam hati manakala, simbol fauna “harimau diam” pula dikonsepsikan sebagai manusia yang sentiasa merendah diri dan tidak gemar menunjuk-nunjuk kelebihan yang ada pada dirinya. Kata sifatan ‘diam’ yang bertindak sebagai kata adverba bagi perkataan harimau memberi gambaran kepada khalayak pembaca tentang sifat harimau, iaitu walaupun mempunyai taring dan kuku yang tajam serta ganas namun harimau tersebut tidak mempamerkan kegarangan serta kelebihan yang ada pada dirinya. Sebaliknya memilih untuk diam, iaitu tidak berbuat apa-apa. Oleh sebab itu pengkaji mengandaikan lambang ‘harimau diam’ adalah merujuk seseorang yang sentiasa merendah diri walaupun mempunyai kelebihan yang banyak pada dirinya. Frasa ‘jangan tepuk nak buat main’ berfungsi memberi peringatan agar jangan mengganggu atau memperkecil-kecilkan mereka yang berperwatakan diam dan tenang kerana mungkin akan memakan diri sendiri.

Bunga lalang dalam pantun tersebut melambangkan “orang yang riak”. Hal ini adalah disebabkan wujudnya persamaan objek dan makna dalam pantun tersebut yang membawa konsep “tegak”. Sifat lalang yang mendongak (tegak) dianalogikan dengan sifat “riak” yang secara tersirat turut mengandungi konsep “tegak” dalam pencirian maknanya. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, simbol lalang mendukung makna kontras dengan sifat padi yang sentiasa menunduk. Perbandingan yang terdapat dalam peribahasa “baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang” juga adalah berdasarkan anatomi kedua-dua tumbuhan ini. Pada pandangan mata kasar, tumbuhan padi dan lalang mempunyai ciri fizikal dan rupa yang hampir sama, namun kedua-duanya berbeza dari segi fungsi dan kegunaannya. Padi merupakan sumber rezeki, manakala lalang dianggap sebagai tumbuhan perosak yang tidak berguna. Hubungan antara tumbuhan yang memberikan hasil dengan tumbuhan perosak menyebabkan masyarakat Melayu pada masa lalu menggandingkannya sebagai objek perbandingan. Sesuai dengan peranannya, padi disinonimkan dengan sifat positif, manakala bunga lalang disinonimkan dengan sifat negatif.



Rajah 4: Bunga Lalang

Pengetahuan masyarakat Melayu tentang alam tumbuhan mengajar dan memberikan pengetahuan tentang kenyataan alam dan kenyataan manusia juga. Semua perkara yang terjadi

kepada alam tumbuhan akan dibaca sebagai pengajaran yang kemudiannya dipindahkan maknanya kepada dunia dan nasib manusia. Pemerhatian masyarakat terhadap proses fisiologi tumbuhan telah mendorong penciptaan pantun bersumberkan bunga lalang sebagai perumpamaan dan kias ibarat dalam penciptaan pantun. Oleh itu, sesuai dengan sifat “tegak” atau “mendongak” yang ditunjukkan oleh bunga lalang inilah menyebabkan masyarakat Melayu pada masa dahulu menjadikan resam tumbuhan ini sebagai teladan dan pengajaran yang menjurus kepada “sifat merendah diri”.

Analisis Tahap 3

Melalui analisis kognitif yang ditunjukkan pada tahap kedua sebelum ini, terdapat persoalan yang boleh dibangkitkan. Berdasarkan pantun tersebut didapati masyarakat Melayu pada masa lalu meletakkan padi pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan cempedak. Walaupun bunga lalang lazimnya membawa konotasi yang negatif dalam masyarakat Melayu dahulu, namun dalam konteks atau situasi tertentu bunga lalang turut mendukung makna yang positif, iaitu merujuk manusia yang bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran (Radzi Salleh, 1999: 17). Hal ini demikian kerana sifat bunga lalang yang bergerak mengikut arah tiupan angin dilihat sebagai bijak menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran semasa. Walau bagaimanapun, umumnya simbol padi dan bunga lalang ini mendukung makna yang kontras, iaitu simbol padi mendukung makna positif, manakala simbol bunga lalang pula membawa konotasi negatif.

Lalang merupakan sejenis tumbuhan yang hampir sama dengan padi. Namun, terdapat perbezaan antara kedua-dua tumbuhan ini. Perbezaannya ialah daun lalang kasar sedikit, tidak seperti daun padi sehingga kerbau dan lembu juga tidak suka memakan daun lalang. Lalang sukar dihapuskan dan cepat pula merebak. Apabila padi berbuah, tangainya mula merunduk. Semakin berisi buahnya semakin berat runduknya. Lalang pula apabila berbunga, bunganya itu akan menjulang ke langit walaupun tidak dipedulikan orang. Kemudian bunganya luruh dan habis ditiup angin. Buah padi yang runduk itu diibaratkan sifat merendah diri insan atau manusia yang tidak sompong, tetapi bunga lalang yang tegak menjulang ke langit itu diibaratkan manusia yang sompong dan takbur. Perbandingan antara padi dan lalang dilakukan bagi menunjukkan signifikan makna di sebalik perlambangan lalang yang digunakan dalam pantun tersebut. Hal ini supaya, maksud yang hendak disampaikan dalam pantun tersebut dapat difahami dengan jelas dan berkesan.

Kesimpulan

Dapatan kajian yang dikemukakan tersebut menjadi bukti bahawa orang Melayu itu bijak dan tajam akalnya. Sebagai contoh, orang Melayu dahulu mengambil tamsil ibarat sifat padi yang semakin berat semakin menunduk sebagai kiasan dalam memberi nasihat kepada kita agar sentiasa merendah diri. Perbandingan antara simbol yang terdapat dalam pantun Melayu ini, tujuannya adalah ingin menyerlahkan kehebatan orang Melayu itu dalam berfalsafah, iaitu falsafah yang penuh cermat dan berhemah. Kehidupan orang Melayu dahulu yang banyak menghabiskan masa di kawasan kebun dan hutan menyebabkan masyarakat Melayu dahulu

banyak mengambil idea dan falsafah melalui alam tumbuhan. Proses penciptaan pantun banyak dipengaruhi oleh kemampuan pemikiran dan pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar. Apa sahaja yang dipandang dan difikirkan akan dijadikan sebagai kiasan dalam memberi nasihat. Pantun mempunyai kaitan langsung dan sangat rapat dengan alam semesta, yang mengambil tamsil ibarat serta inspirasi keindahan darinya. Oleh itu, peranan alam sekitar amat penting dalam penciptaan pantun yang telah menjadi idea dan pedoman bagi minda masyarakat Melayu. Maka, jelaslah bahawa masyarakat Melayu dahulu menjadikan alam tempat mereka mencari rezeki sebagai guru yang membentuk falsafah dan pemikiran mereka. Selain itu, kehebatan dan kehalusan bahasa pantun yang puitis menggambarkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai sistem kognitif yang hebat dan kreatif.

Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. 1981. *Pantun Melayu Lama: Analisis Semiotik Kata dan Ayat*. Selangor: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- Azmi Ab. Rahman. 1992. *Simbolisme dalam Pantun Melayu*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Charteris-Black, J., 2003. “A Contrastive Cognitive Perspective on Malay and English Figurative Language” dlm. K. M. Jaszczołt & K. Turner (Ed.). *Meaning Through Language Contrast. Pragmatics and Beyond New Series 99*. Amsterdam and Philaephia: John Benjamin.
- Charteris-Black, J. 2000. Speaking With Forked Tongue: A Comparative Study of Metaphor and Metonymy in English and Malay Phraseology. *Journal of Pragmatic* 10(3): 281-300.
- Eizah Hussain 2016. *Simbol dan makna dalam pantun Melayu Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hawiyah Baba. 2015. “Bahasa Berkias dan Nilai Melayu: Analisis Pragmatik”. Tesis PhD. Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haryati Shafii. 2010. “Kelestarian Alam dalam Seni Budaya Melayu: Pantun Sebagai Bayangan Falsafah Alam” dlm. *Seminar Sebahtera*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hembing. 2000. *Ensiklopedia Milenium: Tumbuhan Berkhasiat Obat Indonesia*. Jakarta: Penebar Swada
- Imran Ho Abdullah. 2011. Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*). *Online™ Journal of Language Studies* 11(1), 125-141.
- Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu Edisi Kedua. 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Aminah & Hasnah. 2014. Interpretasi Pantun daripada Perspektif Semiotik. *Jurnal Linguistik*, 18(1), 1-9.
- Murphy, J. & Rowe, M. 1993. *How to design trade mark and logos*. Cinncianati, Ohio: Nort Light Book.

- Muhammad Haji Salleh. 2006. “Dalam Daun Ada Bicara: Falsafah Alam Pantun Melayu” dlm. Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias. *Pandangan Alam Semesta Melayu Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Radzi Salleh. 1999. *Peribahasa dalam Masyarakat Melayu: Satu Analisis Pemikiran dan Cerminan Falsafah*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Saidatul Nornis Mahali dan Mohd. Rasdi Saamah. 2013. Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(1), 16-21.
- Salinah. 2005. Fungsi Leksikal “Bunga” dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(4), 40-66.
- Tenas Effendy. 2004. *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusuf. 1992. *Urbanisasi dan modenisasi budaya Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu.
- Wilkinson, R.J & Windstedt, R.O. 1957. *Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd.
- Za‘ba. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.